

**Perpaduan Ditingkatkan  
Utusan Online  
12 September, 2012  
Oleh TERMIZI CHE ANUAR**

KEMENTERIAN Pelajaran akan memastikan sistem pendidikan negara memberi peluang kepada murid berinteraksi dengan individu lain yang berbeza latar belakang untuk memahami dan menerima perbezaan bagi meningkatkan perpaduan di sekolah.

Melalui interaksi tersebut, satu set nilai dan pengalaman serta aspirasi untuk masa depan Malaysia dapat dibentuk yang akan menjadi asas pemupukan identiti nasional dan perpaduan.

Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memberitahu, kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha melaksanakan langkah intervensi bagi menyediakan peluang untuk murid berinteraksi merentasi semua jenis sekolah.

"Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan integrasi yang lebih kukuh dengan objektif utamanya menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama dan membolehkan interaksi antara murid berlaku secara semula jadi.

"Langkah yang akan diambil termasuk meningkatkan kemahiran bahasa Malaysia di sekolah jenis kebangsaan (SJK), mempertingkatkan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan memperkenalkan komponen perkhidmatan komuniti yang wajib diadakan di semua sekolah," jelas laporan tersebut.

Sehingga kini, daripada 2.9 juta murid yang berdaftar di sekolah rendah, 98 peratus berada dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Pada peringkat menengah rendah dan atas di semua sekolah kebangsaan dan swasta terdapat seramai 2.3 juta murid yang berdaftar.

Sementara itu, laporan tersebut turut menjelaskan kementerian juga akan mengkaji semula elemen Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral bagi memasukkan elemen pemahaman terhadap nilai teras dan falsafah kepada agama-agama utama di Malaysia.

"Dengan adanya pilihan persekolahan pada peringkat pendidikan rendah dan menengah oleh pihak awam atau swasta, sistem pendidikan Malaysia mampu menyediakan pilihan yang pelbagai kepada ibu bapa dan murid.

"Justeru, Kementerian Pelajaran komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada semua murid merentasi semua jenis sistem persekolahan," menurut laporan itu.

Artikel Penuh: [http://www.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20120912/pe\\_09/Perpaduan-akan-ditingkat#ixzz2FIH5Ggw0](http://www.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20120912/pe_09/Perpaduan-akan-ditingkat#ixzz2FIH5Ggw0)

© Utusan Melayu (M) Bhd

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120912/dn\\_04/Kerjasama-NADI-Lion-Grup-tingkat-industri-penerbangan-serantau---Najib](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120912/dn_04/Kerjasama-NADI-Lion-Grup-tingkat-industri-penerbangan-serantau---Najib)